

15 MAR 2004

Pilihan raya-Mahathir

PILIH DENGAN BIJAK TANPA PENGARUH PERASAAN, KATA DR MAHATHIR

KLANG, 15 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat mestilah memilih secara bijak tanpa didorong oleh emosi bagi memastikan kerajaan baru yang dibentuk selepas pilihan raya umum ke-11 Ahad ini dapat meneruskan agenda pembangunan negara masa depan.

Beliau berkata sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini memberi kuasa kepada rakyat untuk memilih dan membentuk kerajaan yang layak memerintah.

"Berbeza dengan negara lain yang mengamalkan demokrasi, kita ada pilihan raya secara terbuka dan tulus iaitu rakyat boleh pilih calon pembangkang kalau tidak mahu calon kerajaan tetapi saya yakin rakyat kita bijak memilih yang mana baik," katanya semasa berucap pada majlis Pemimpin Bertemu Rakyat di Sekolah Tinggi Pin Hwa di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang hadir bersama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali diiringi Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Turut hadir ialah calon BN bagi kerusi Parlimen Kapar, P. Komala Devi serta empat calon DUN dalam kawasan parlimen itu, Datuk Abdul Rahman Palil (Sementa), Norliza Ahmad (Selat Klang), Datuk Jaei Ismail (Meru) dan Khoh Siew Kim (Sungai Pinang).

Dr Mahathir, yang melepaskan jawatannya pada 31 Okt tahun lepas dan kini berkempen untuk calon BN di seluruh negara, berkata kerajaan sedia ada mempunyai anggota yang mewakili semua kaum termasuk suku kaum dari Sabah dan Sarawak yang bekerjasama bukan hanya untuk bangsa sendiri tetapi demi kepentingan negara.

Mengenai jentera pilihan raya BN di Selangor, beliau berkata setiap jentera BN mestilah bergerak cergas dan mantap demi memastikan BN memperolehi kemenangan di kesemua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Selangor mempunyai 22 kerusi Parlimen dan 56 DUN iaitu tambahan lima kerusi Parlimen dan lapan DUN berikutan persempadanan semula kawasan

pilihan raya.

Pada pilihan raya umum 1999, BN Selangor memenangi kesemua 17 kerusi Parlimen dan 42 kerusi DUN. Empat kerusi lagi dimenangi PAS dan masing-masing satu oleh DAP dan Keadilan.

Terdahulu, Dr Mohamad Khir dalam ucapannya mengingatkan jentera BN Selangor bahawa mereka tidak boleh berasa terlalu selesa dengan "keadaan lemah" pembangkang.

Beliau berkata jentera BN perlu memantapkan strategi yang ada dan bekerja lebih gigih serta tidak boleh leka bagi memastikan BN mencatat kemenangan besar pada pilihan raya umum ini.

-- BERNAMA

IZI HS DC BK